



Siaran Akhbar

SERANGAN ULAT RATUS *FALL* / *FALL ARMYWORM* (FAW) PADA TANAMAN JAGUNG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa hasil dari pemantauan yang dibuat oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mendapati bahawa pada masa ini terdapat sejenis serangga perosak tanaman yang dikenali sebagai Ulat Ratus *Fall* (nama saintifik *Spodoptera frugiperda*) yang menyerang dan merosakkan tanaman jagung di Negara Brunei Darussalam.

Pada Disember 2019, serangan Ulat Ratus *Fall* ini telah diisytiharkan oleh pihak *Food and Agricultural Organization of the United Nations (FAO)* sebagai salah satu ancaman global yang mengancam sekuriti makanan dengan menjejaskan peladang-peladang berskala kecil. Ulat Ratus *Fall* ini berasal dari rantau Amerika dan telah merebak ke rantau Afrika pada tahun 2016 dan mula merebak ke rantau Asia pada tahun 2019. Pada lazimnya, Ulat Ratus *Fall* akan menjadikan jagung sebagai tanaman utama untuk diserang, tetapi ia juga berpotensi menjejaskan sekurang-kurangnya lapan puluh (80) jenis tanaman yang lain, termasuk padi, melon, lada, tomato, terung, timun, pisang, dan sayur jenis daun yang mana tanaman-tanaman ini sedang diusahakan oleh peladang-peladang di Negara Brunei Darussalam. Ulat Ratus *Fall* menyerang di semua peringkat tanaman (dari peringkat semaian hingga peringkat berbuah), dan boleh merosakkan tanaman-tanaman sehingga mengakibatkan penurunan produktiviti ladang dari 20% sehingga 100% kehilangan hasil secara keseluruhan.

Memandangkan ancaman Ulat Ratus *Fall* bersiko tinggi dalam menjejaskan penghasilan industri pertanian negara terutamanya industri padi, Kementerian ini telah mengambil langkah pengawalan drastik yang bertujuan untuk memutuskan kitaran hayat ulat tersebut dan mengurangkan pembiakan Ulat Ratus *Fall*. Satu perintah bertulis kepada semua peladang-peladang jagung di negara ini bagi penghapusan atau pemusnahan tanaman jagung di ladang-ladang mereka, telah dikeluarkan, selaras dengan peruntukan di bawah bab 13(1) Binatang-Binatang Musuh Pertanian Dan Tumbuhan-Tumbuhan Yang Merosakkan, Penggal 43. Kegagalan mematuhi perintah berkenaan merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$2,000.00 sepertimana diperuntukkan di bawah bab 14 Akta yang sama.

Sehubungan dengan itu, Kementerian ini memohon kerjasama dari orang ramai yang ada menanam jagung untuk menghapuskan atau memusnahkan dengan sesegeranya tanaman-tanaman jagung mereka dengan:-

- i) Menebang atau mencabut dan membakar secara terkawal tanaman jagung berkenaan, serta memastikan tanaman jagung yang telah dicabut dibakar sehingga menjadi abu;
- ii) Kemudiannya meradu tanah bersama tanaman yang telah dibakar dan disembur dengan racun yang disyorkan untuk memusnahkan kepompong yang ada di dalam tanah; dan
- iii) Merehatkan tanah dan tidak bertanam jagung dalam masa 3 bulan untuk memutuskan kitaran hayat Ulat Ratus *Fall* atau menanam dengan tanaman lain yang bukan terdiri daripada hos alternatif ulat tersebut, seperti keladi dan tanaman berisiko sangat rendah diserang oleh Ulat Ratus *Fall* seperti sekoi, kacang bendir dan bayam.

Kementerian ini, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan menjalankan pemantauan yang berterusan bagi mengawal tahap serangan Ulat Ratus *Fall* untuk memastikan pengeluaran hasil ladang tanaman tempatan tidak terjejas. Sekiranya langkah-langkah yang diperintahkan tidak dilaksanakan, kerugian akan ditanggung bukan oleh peladang jagung sahaja, bahkan ia akan menjejaskan industri tanaman pertanian negara secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, kerjasama padu dari orang ramai adalah sangat-sangat diperlukan untuk memusnahkan tanaman jagung mereka untuk sama-sama menjaga penghasilan industri pertanian negara bagi membantu menjamin sekuriti makanan negara.

/TAMAT.


Dikeluarkan oleh:

Bahagian Perlindungan Tanaman

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 10 Ramadhan 1441 / 04 Mei 2020



Gambar 1a-e: a - Telur berwarna putih disaluti kekapas (0.4mm); b - ulat yang baru menetas (6-9mm); c - ulat pada pelbagai peringkat pertumbuhan (450mm); d - kepompong / pupa (130-170mm); e - ulat dewasa iaitu sejenis kupu-kupu (160-170mm).

[Handwritten signature]



Gambar 2: Tanda-tanda kesan serangan (gigitan) daun / pucuk muda tanaman jagung dan juga najis yang kelihatan seperti habuk kayu.



Gambar 3: Kesan serangan pada peringkat berbunga; buah jagung muda dan juga yang telah matang.

[Handwritten signature]